



**SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 33 TAHUN 2014**

**PENANGGUHAN PEMILIHAN PROFESOR
SEPENUH MASA SEBAGAI AHLI SENAT
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(UTeM)**

Pejabat Pendaftar
12 November 2014

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/3 Jld. 3 (70)

12 NOVEMBER 2014

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 33/2014

PENANGGUHAN PEMILIHAN PROFESOR SEPENUH MASA SEBAGAI AHLI SENAT UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Surat Edaran Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pengetahuan semua staf khususnya Profesor dan Profesor Madya Universiti mengenai penangguhan urusan pemilihan Profesor sebagai ahli Senat oleh semua Profesor dan Profesor Madya Universiti.


2.0 Dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah mengeluarkan Surat Edaran Pentadbiran Bilangan 32 Tahun 2014 berkenaan "Pemilihan Profesor Sebagai Ahli Senat Oleh Semua Profesor Dan Profesor Madya Universiti" pada 5 November 2014. Berdasarkan kepada perenggan 3.0 Surat Edaran Pentadbiran Bilangan 32 Tahun 2014 tersebut, pengundian akan dijalankan pada 12 November 2014 (Rabu) pada jam 12.00 tengah hari hingga 4.00 petang bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Canselori.

3.0 Walau bagaimanapun, proses pengundian ini adalah **ditangguhkan** pelaksanaannya ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Sehubungan dengan itu, semua staf khususnya Profesor dan Profesor Madya Universiti adalah dimohon untuk mengambil maklum berkenaan penangguhan ini.

Sekian, harap maklum.

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menurut perintah,



DATUK HASAN BIN SIRUN

Pendaftar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

/bpa